

10 SEP 1997

Kennett-Lawatan

KENNETT AKAN LAWAT K.L. UNTUK TENTANG PENDAPAT HANSON

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 10 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Victoria Jeff Kennett akan melawat Kuala Lumpur pada awal Disember untuk menangkis tanggapan bahawa Anggota Parlimen Bebas Pauline Hanson mewakili pendapat Australia seluruhnya.

"Ke mana sahaja kita pergi di Asia, kita tidak dapat elak daripada tanggapan itu... bahawa beliau mewakili sesuatu yang lebih besar daripada seorang dirinya sahaja," kata Kennett ketika melancarkan satu program sekolah bagi menonjolkan faedah daripada penghijrahan.

"Malangnya hal itu sangat merosakkan dan semua orang daripada kalangan yang mempunyai kewibawaan -- sama ada ahli perniagaan, ahli politik atau wartawan -- hendaklah membuat sesuatu untuk menghapuskan tanggapan yang salah ini terhadap Australia.

"Pendek kata pendapat Pauline Hanson mestilah ditolak," kata beliau.

Kennett, pengkritik Hanson yang lantang, akan juga melawat Hong Kong akhir bulan ini untuk menghapuskan sebarang keraguan yang berbangkit daripada pendirian Hanson itu.

Ketua Menteri yang popular itu, yang menulis kepada Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memberi jaminan perlindungan kepada penuntut luar negara sejurus selepas seorang penuntut Malaysia dihina di sebuah kedai 7-Eleven di sini tahun lepas, berkata pendapat Hanson tidak mempunyai tempat dalam masyarakat maju dan penyayang seperti Australia.

Hari ini ialah ulang tahun pertama ucapan anti-penghijrahan Hanson kepada Parlimen Persekutuan sebelum menubuhkan parti One Nation pada bulan Mac. Dalam ucapan itu Hanson berkata Australia menghadapi kemungkinan dibanjiri rakyat asing yang berhijrah ke negara ini.

Pendapatnya itu menimbulkan perbincangan hangat yang masih belum reda di Australia dan di seberang laut.

Kennett berkata Hanson menggunakan demokrasi untuk memecahkan rakyat dan beliau berharap demokrasi akan mengatasi pendapatnya dan menewaskannya pada pilihan raya persekutuan yang akan datang.

"Dalam tempoh setahun lalu, jumlah maklumat yang mengelirukan dan tidak tepat yang diutarakan dalam perdebatan mengenai penghijrahan, adalah membimbangkan," kata Kennett.

Program sekolah itu akan menggalakkan pelajar mengemukakan pendapat mereka mengenai kepelbagaian bangsa dan membincangkan faedah sosial dan ekonomi daripada penghijrahan ke Australia. -- BERNAMA

NDC NMO